

KEMUDAHAN CUTI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM



KURSUS PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SIRI I


30 April 2024 (Selasa)

Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak

SUMBER DASAR DAN PERATURAN KEMUDAHAN CUTI

- 1 Perintah-perintah Am Bab C (Cuti), Tahun 1974
- 2 **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM)**
 - SR.5.1 - Cuti Kerana Perkhidmatan
 - SR.5.2 - Cuti Atas Urusan Peribadi, Keluarga dan Kecemasan
 - SR.5.3 - Cuti Atas Sebab Keagamaan dan Kebudayaan
 - SR.5.4 - Cuti Atas Sebab Perubatan dan Penjagaan Orang Sakit
 - SR.5.5 - Cuti Atas Urusan Pertubuhan Ikhtisas, Kesatuan dan Kemasyarakatan

<https://docs.jpa.gov.my/docs/myppsm/PPSM/SR/Kemudahan-Cuti/>
- 3 Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP)
- 4 Surat Edaran



PRINSIP KEMUDAHAN

Disediakan sebagai satu keistimewaan (bukan hak) kepada yang layak:

- Boleh ditarik balik apabila perlu
- Hanya dinikmati apabila digunakan
- Diberi atas tujuan tertentu dengan syarat & kelayakan berbeza

Perenggan 56, PP Bil. 9/1991

TUJUAN DIWUJUDKAN

- Menjaga kebajikan pegawai
- Menjaga kedudukan pegawai pada pandangan masyarakat
- Memberi kemudahan yang lebih selesa
- Memberi motivasi positif untuk meningkatkan prestasi & produktiviti

DASAR KEMUDAHAN

KATEGORI KEMUDAHAN



Tafsiran Cuti

Cuti bermakna sebarang tempoh seseorang pegawai itu **dibenarkan meninggalkan tugasnya** dan peninggalan tugas itu tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja.

Sumber : Perintah Am 1 (i) Bab C (Cuti), 1974

KATEGORI/ JENIS CUTI



CUTI YANG DIBERI KERANA PERKHIDMATAN

- Cuti Rehat
- Cuti Separuh Gaji
- Cuti Tanpa Gaji
- Cuti Rehat Khas (Guru)
- Cuti Penggal (Guru)



CUTI-CUTI ATAS SEBAB PERUBATAN

- **Cuti Sakit**
- Cuti Sakit Lanjutan
- Cuti Kerantina
- Cuti Bersalin
- Cuti Tibi, Kusta & Barah
- Cuti Kecederaan



CUTI TIDAK BEREKOD

Contoh:

- Cuti Gantian
- Cuti Latihan Pasukan Sukarela
- Cuti Isteri Bersalin
- **Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat**
- Cuti Umrah
- **CTR Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat**



CUTI-CUTI LAIN

- **Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan**
- Cuti Menjaga Anak
- Cuti Haji
- Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan

CUTI KERANA PERKHIDMATAN

Jenis-jenis **Cuti Kerana Perkhidmatan**:

- i. Cuti Rehat
- ii. Cuti Separuh Gaji
- iii. Cuti Tanpa Gaji

Sumber : Perintah Am 6 Bab C (Cuti), 1974

T A K R I F A N

PERKHIDMATAN YANG MELAYAKKAN

(ix) “ Perkhidmatan yang melayakkan” bermakna Perkhidmatan yang diambil kira bagi mengira kelayakan mendapat cuti seseorang pegawai dan terdiri dari masa-masa bertugas, cuti rehat dan cuti sakit dan bagi guru-guru termasuk cuti sekolah bergaji penuh) tetapi tidak termasuk **cuti separuh gaji, cuti tanpa gaji, cuti haji, cuti sakit tibi, kusta dan barah dan cuti belajar.** (Perintah Am 1 (ix) Bab C (Cuti), 1974)

PERKHIDMATAN YANG MELAYAKKAN

- i- Masa-masa bertugas
- ii- Cuti Rehat
- iii- Cuti Sakit

bergantung kepada
**PERKHIDMATAN
YANG MELAYAKKAN**

PERKHIDMATAN YANG TIDAK MELAYAKKAN

- i- Cuti Separuh Gaji
- ii- Cuti Tanpa Gaji
- iii- Cuti Haji
- iv- Cuti Tibi, Kusta dan Barah
- v- Cuti Belajar

akan **MENJEJASKAN
KELAYAKAN CUTI
seperti CR*, dll.**

T A K R I F A N

CUTI REHAT (CR)

Perintah Am 1 (ii) Bab C

“cuti bergaji penuh yang diberi kerana perkhidmatan yang melayakkan dalam sesuatu tahun, dari bulan Januari hingga Disember”.

DASAR CUTI REHAT

Perintah Am 2 (a) Bab C

Cuti Rehat diperuntukkan bagi tujuan kecekapan dan kepentingan pegawai.

KADAR KELAYAKAN CUTI REHAT TAHUNAN

MULAI 1 JANUARI 2016

Tarikh Lantikan Pertama/ Baharu	<u>Kurang 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan</u>				<u>Genap 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan</u>			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	35 hari	35 hari
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	30 hari	30 hari
Mulai 1 Januari 2009	20 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari

* Kecuali Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, Perkhidmatan Pegawai Penguatkuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguatkuasa Maritim serta Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan/Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang menjalankan tugas-tugas mengajar di sekolah, kolej komuniti atau politeknik yang menikmati kemudahan Cuti Penggal dan Cuti Rehat Khas.

PERATURAN CUTI REHAT

Perintah Am 8 (b) Bab C:

2 keadaan yang mengubah CR:

i) Dinaikkan pangkat

ii) Genap 10 tahun perkhidmatan

**tertakluk kepada kadar CR dalam Jadual 5, PP Bil. 11/2015 (CERAIAN SR.5.1.1)*

Perintah Am 8(c) Bab C:

Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am tidak akan diambil kira sebagai Cuti Rehat

CR yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan:

PEMBERIAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

MyPPSM (Bhg. Pencen)

Ceraian PP.1.3.1 : *maks. 180 hari (*berkuat kuasa mulai Januari 2023 –Surat Edaran JPA/PEN/228 /26/6 JLD.5 (29) bertarikh 12 Mei 2023*)

Ceraian PP 1.3.1: CR tahun semasa sahaja

**Ceraian PP 1.3.1: ½ daripada kelayakan CR tahun semasa atau
maksimum 15 hari dalam setahun** (mengikut mana yang kurang)

SYARAT CUTI REHAT (CR)

P.A. 7 Bab C:

Boleh diambil pada bila-bila masa dalam sesuatu tahun.

P.A. 7 Bab C:

Diluluskan oleh Ketua Jabatan.

P.A. 9 (a) Bab C:

Berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan (dikira ke setengah hari berhampiran).

P.A. 11 Bab C & pindaan melalui PP 9/1991:

Baki CR tahun pertama boleh dibawa hingga ke tahun ketiga.

Tahun Pertama – 2022
Tahun Kedua – 2023
Tahun Ketiga – 2024

Baki CR tahun 2022 boleh dibawa hingga tahun 2022, **luput jika tidak digunakan** pada akhir 2024.


PENGIRAAN KELAYAKAN CUTI REHAT

Tempoh Perkhidmatan Yang Melayakkan
365 HARI

**x Kelayakan Kadar CR
Tahunan**

Contoh Pengiraan Kelayakan Kadar CR :

**PERKHIDMATAN TIDAK MELAYAKKAN : CUTI TANPA GAJI (CTG)
(Memberi kesan kepada kelayakan Cuti Rehat)**



$$\text{Kelayakan CR bagi tahun ini} = \frac{242}{365} \times 25 \text{ hari} = \mathbf{17} \text{ hari (16.57)}$$

PENGIRAAN KELAYAKAN CUTI REHAT

Perintah Am 9(a) Bab C

Cuti Rehat adalah **berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan** (dikira ke setengah hari berhampiran)



Cuti Rehat tahunan pegawai adalah sebanyak **25** hari setahun (tahun 2024). Berapakah kelayakan Cuti Rehat pegawai pada **1 April 2024**?

Contoh Pengiraan Kelayakan Kadar CR :

<u>Tempoh Perkhidmatan Yang Melayakkan</u>	x	Kelayakan Kadar CR
365 HARI		Tahunan

$$\frac{91}{365} \times 25 = \underline{6 \text{ hari}} \quad (6.2)$$

TIADA GAJI BAGI TEMPOR TIDAK HADIR BERTUGAS TANPA CUTI

Perintah Am (P.A) 14A Bab C

“Jika seseorang pegawai tidak hadir bekerja bagi sesuatu tempoh tanpa sesuatu sebab yang pada pendapat Ketua Jabatan adalah satu sebab yang munasabah, maka pegawai itu **tidaklah berhak mendapat apa-apa gaji atau lain-lain emolumen bagi tempoh tidak hadir bekerja itu**”





Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009, Perenggan 5.1(u):

“**tidak layak dibayar emolumen** bagi tempoh pegawai mengambil Cuti Rehat melebihi kelayakan pada tahun semasa termasuk Cuti Rehat yang telah dibawa ke hadapan. Bilangan **hari** yang **terlebih ambil** hendaklah **dianggap** sebagai **Cuti Tanpa Gaji** dan **ditolak daripada Cuti Tanpa Gaji** yang pegawai berkelayakan di bawah Perintah Am 14 Bab C, 1974. Pegawai juga **boleh dikenakan tindakan tatatertib**”.





Puan Andorra telah genap berkhidmat selama 10 tahun pada **19 Mei 2024**.

- i. Bilakah beliau akan diberikan tambahan 5 hari Cuti Rehat?
- ii. Adakah kenaikan tersebut diberi sehari selepas tarikh genap perkhidmatan atau pada awal tahun genap perkhidmatan? (**19 Mei** atau 1 Januari 2024?)
- iii. Adakah Cuti Rehat ini diberikan secara *prorate*?



- ...telah **genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan** atau dinaikkan pangkat ke gred jawatan yang lebih tinggi.
- diberi **tanpa *prorate***

Sumber : Perenggan 8(b) Perintah Am Bab C Tahun 1974

KEMUDAHAN MEMBAWA KE HADAPAN CUTI YANG TIDAK DAPAT DIAMBIL BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Ceraian S.R.5.1.6

- Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang **tidak dapat mengambil cuti rehatnya kerana kepentingan perkhidmatan** dibenarkan mengumpul baki cuti rehatnya yang ia berkecualan dalam tempoh 2 tahun perkhidmatan, ke **tahun ketiga**.
- Cuti tahun pertama yang tidak dihabiskan dalam tahun ketiga akan **luput pada akhir tahun ketiga**.
- **Pengiraan cuti bawa ke hadapan yang tidak teratur akan memberi kesan kepada pengiraan Cuti Rehat dan CGR pegawai.**

Baki CR = 15

Cuti Bawa ke hadapan = 15

Cuti Bawa ke hadapan = 15

2022
Tahun Pertama


2023
Tahun Kedua

2024
Tahun Ketiga



**Cuti bawa ke hadapan
15 hari (2022) akan
luput pada akhir tahun
ketiga (2024) jika tidak
digunakan**

PENGIRAAN CUTI LUPUT



GCR = $\frac{1}{2}$ daripada kelayakan CR tahun semasa atau **maksimum 15 hari dalam setahun** (mengikut mana yang kurang)

Cuti bawa ke hadapan tahun 2022 (1 hari) luput pada akhir tahun 2024

CUTI SEPARUH GAJI

Perintah Am (P.A) 13, 51(b) Bab C Ceraian SR.5.1.2, SPP 4/2009

TUJUAN

Diberikan atas sebab-sebab kesihatan sanak saudara yang rapat

1

TAFSIRAN SANAK-SAUDARA

Perintah Am 1 (x) Bab C

“**adik-beradik, ibu bapa dan saudara mara lain yang rapat kepada pegawai**”.

SPP 5/1985

“**termasuk keluarga pegawai sendiri, adik-beradik, ibu dan bapa mentua, datuk dan nenek**”.

2

Lawatan sambil belajar ke seberang laut yang diluluskan oleh KSU Kementerian Pendidikan Malaysia (Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sahaja)

CUTI SEPARUH GAJI

Perintah Am (P.A) 13 Bab C, Ceraian SR.5.1.2, SPP 4/2009

KADAR

- **30 hari** bagi setiap **genap 1 tahun perkhidmatan**
- Had maksimum: **180 hari**

Tempoh CSG = $\frac{\text{Tempoh Perkhidmatan Yang Melayakkan (hari)}}{365 \text{ hari}} \times 30 \text{ hari}$

SYARAT

- Berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan
- Diluluskan oleh **Ketua Jabatan** bagi tempoh yang **tidak melebihi 14 hari dalam 1 tahun**
- Diluluskan oleh **KSU** bagi tempoh yang selebihnya

Pn. B



Pn. Bougainvillea dilantik pada **12 Januari 2022**. Suami Pn. B mengalami stroke dan memerlukan penjagaan rapi. Beliau ingin memohon **Cuti Separuh Gaji** untuk menjaga suaminya mulai **1 September 2022**. Berapa harikah beliau layak memohon Cuti Separuh Gaji?

Ceraian SR.5.1.2 (MyPPSM)

Pegawai yang memohon Cuti Separuh Gaji perlu mempunyai perkhidmatan yang melayakkan, iaitu **1 tahun perkhidmatan melayakkan 30 hari tempoh Cuti Separuh Gaji**.

Tempoh perkhidmatan yang melayakkan (12.1.2022 hingga 31.8.2022) = **232 hari**

$$232/365 \times 30 \text{ hari} = 19 \text{ hari}$$

En. C



Bapa angkat En. Cinta mengalami **sakit buah pinggang kronik** dan memerlukan penjagaan rapi. Beliau merupakan anak tunggal dan ibu angkatnya sudah meninggal dunia. Bolehkah En. C memohon **Cuti Separuh Gaji (CSG)** untuk menjaga **bapa angkatnya** yang sakit?

Bapa angkat/ ibu angkat/ ibu tiri/ bapa tiri adalah **tidak termasuk dalam tafsiran sanak-saudara yang rapat** selaras penetapan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian SR.5.1.2: Kemudahan Cuti Separuh Gaji Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

En. Abu boleh menggunakan kemudahan **Cuti Rehat** atau **Cuti Tanpa Gaji** bagi tujuan tersebut.

En. D



En. Dongdaemun telah diluluskan **Cuti Separuh Gaji (CSG)** secara maksimum **180 hari** untuk menjaga **bapanya yang sakit**. Walau bagaimanapun, beliau hanya berpeluang menjaga bapanya selama **4 hari** sahaja kerana **bapanya telah meninggal dunia**.

Bolehkah beliau menggunakan **CSG** setelah **bapanya meninggal dunia** kerana **CSG** tersebut telah pun diluluskan lebih awal?

Memandangkan pegawai **tidak lagi menjaga bapanya**, kerana **bapanya telah meninggal dunia**, maka tiada keperluan pegawai menggunakan CSG. CSG **boleh ditamatkan pada tarikh sehari sebelum kematian** bapa agar pegawai boleh diberikan **CTR Kematian Ahli Keluarga Terdekat** selama **3 hari** berdasarkan MyPPSM Ceraian SR.5.2.1: Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat.

CUTI SEPARUH GAJI

Perintah Am (P.A) 13 Bab C, Ceraian SR.5.1.2, PP 4/2009, SPP 4/2009
(Kesan Ke Atas Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Diluluskan
Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji Dan Cuti Tanpa Gaji)



1. separuh gaji pokok bulanan
2. separuh dari kadar penuh imbuhan tetap (ITKA, ITP, ITK, ITJU)
3. layak menerima **kemudahan tertentu** mengikut peraturan yang berkuat kuasa seperti kemudahan perubatan
4. layak dibayar separuh daripada **Bayaran Insentif Pakar atau Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam** bagi Pegawai Perubatan yang diwartakan sebagai Pakar Perunding atau Pakar Klinikal atau diwartakan sebagai Pegawai Kesihatan Awam mengikut mana yang berkenaan
5. layak dipertimbangkan **kenaikan pangkat** jika telah memenuhi syarat yang ditetapkan
6. tempoh CSG **diambil kira sebagai sebahagian daripada 3 tahun perkhidmatan** yang boleh di masuk kira bagi **tujuan pemberian taraf berpencen**
7. **tempoh CSG diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan** yang boleh dimasukkan kira bagi tujuan **pengiraan ganjaran, pencen dan faedah-faedah lain**
8. tempoh CSG diambil kira bagi tujuan **tempoh notis peletakan jawatan**



1. **Tempoh percubaan** pegawai akan dibekukan mengikut tempoh CSG jika belum disahkan dalam perkhidmatan
2. tidak layak **dipertimbangkan PGT jika tempoh CSG melebihi 180 hari** (pergerakan gaji secara isyarat dan tidak lebih 3 kali sepanjang perkhidmatan) kecuali bagi pegawai yang diluluskan CBSG, CSG kerana menghadapi tibi, kusta dan barah dan kombinasi cuti di atas
3. tidak layak dibayar **Elaun Pemangkuan**
4. tidak layak dibayar **Elaun Penanggungan Kerja** sekiranya CSG selama 14 hari atau lebih secara berturut-turut dengan mengambil kira hari rehat mingguan dan hari kelepasan am
5. tidak layak dibayar **BIPK dan BISP**
6. **tempoh CSG tidak diambil kira untuk tujuan keananan**
7. **tempoh CSG tidak diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan yang melayakkan** bagi tujuan pengiraan kelayakan Cuti Rehat tahunan, Cuti Rehat Khas atau cuti-cuti lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan yang melayakkan

CUTI TANPA GAJI (CTG)

Perintah Am (P.A) 14 Bab C, Ceraian SR.5.1.3, PP 9/1991, SPP 4/2009

TUJUAN

Diberikan atas **sebab-sebab persendirian yang mustahak**

KADAR

- **30 hari** bagi setiap **genap 1 tahun** perkhidmatan
- Had maksimum: **360 hari**

Tempoh CTG = $\frac{\text{Tempoh Perkhidmatan Yang Melayakkan (hari)}}{365 \text{ hari}} \times 30 \text{ hari}$

SYARAT

- Syarat minimum layak memohon CTG: **6 bulan perkhidmatan yang melayakkan**
- Telah **menghabiskan semua Cuti Rehat yang berkecualan**
- Baki CTG boleh digunakan selagi tidak mencapai had maksimum
- Dicatatkan dalam Kenyataan Perkhidmatan & Kenyataan Cuti

CUTI TANPA GAJI

Perintah Am (P.A) 13 Bab C, Ceraian SR.5.1.3, PP 4/2009, SPP 4/2009
(Kesan Ke Atas Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Diluluskan
Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji Dan Cuti Tanpa Gaji)

- 
1. layak **dipertimbangkan kenaikan pangkat**
 2. CTG yang diluluskan kerana mengikut pasangan bertugas atau berkursus di dalam atau di luar negeri dan Cuti Menjaga Anak **tidak menjejaskan kelayakan CTG** di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C 1974

- 
1. **tidak layak** menerima **gaji pokok bulanan, imbuhan tetap dan elaun-elaun lain**
 2. **tidak layak** menerima **kemudahan tertentu** mengikut peraturan yang berkuat kuasa **kecuali kemudahan perubatan**
 3. **tempoh percubaan** akan dibekukan
 4. **tidak layak** dipertimbangkan **PGT jika tempoh CTG melebihi 180 hari** dalam 1 tahun kalendar kecuali CBTG, CTG Mengikut Pasangan, CMA. **Pergerakan gaji secara isyarat** dan tertakluk kepada had sebanyak tidak melebihi 3 kali sepanjang perkhidmatan
 5. **tidak layak** dibayar **Elaun Pemangkuan**
 6. **tidak layak** dibayar **Elaun Penanggungan Kerja**
 7. **tidak layak** dibayar **Bayaran Insentif Pakar atau Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam**
 8. **tidak layak** dibayar **BIPK dan BISP**
 9. **tidak diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan yang melayakkan** bagi tujuan **pengiraan kelayakan CR tahunan**, CRK atau cuti-cuti lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan yang melayakkan
 10. **tidak diambil kira untuk tujuan kekananan** kecuali pegawai **diluluskan CBTG**
 11. **tidak diambil kira** sebagai sebahagian daripada 3 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi tujuan **pemberian taraf berpencen**
 12. tempoh CTG **tidak diambil kira** sebagai tempoh perkhidmatan bagi tujuan **pengiraan ganjaran, pencen dan faedah-faedah lain**
 13. tempoh CTG **tidak diambil kira** bagi tujuan **tempoh notis peletakan jawatan (PP1/2015 – diambil kira)**
 14. **tidak layak** dibayar **Bantuan Sara Hidup atau Bayaran Insentif Wilayah**
 15. CTG yang diluluskan kerana mengikut pasangan bertugas atau berkursus di dalam atau di luar negeri dan CMA **tidak menjejaskan kelayakan CTG** di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C 1974



Encik Equador, Gred N19 telah **tidak hadir bertugas tanpa cuti** yang diluluskan / berkelayakan berjumlah **125 hari** pada tahun 2023 dan telah **dikutip semula emolumen**.

Adakah kelayakan **Cuti Rehat** Encik E **terkesan** berikutan tempoh tidak hadir bertugas tersebut? Kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan Encik E adalah **20 hari**.

Kelayakan Cuti Rehat Encik Equador bagi tahun 2023 akan **terkesan** dan **perlu dikira secara pro-rata berdasarkan tempoh perkhidmatan yang melayakkan**.

Tempoh **tidak hadir bertugas tanpa kebenaran** merupakan **tempoh perkhidmatan yang tidak melayakkan**.

Tempoh perkhidmatan yang melayakkan (1.1.2023 hingga 31.12.2023)
= **365 hari – 125 hari (tempoh tidak hadir bertugas) = 240 hari**

Pengiraan kelayakan Cuti Rehat Encik Samad tahun 2023
 $240/365 \times 20 \text{ hari} = 13 \text{ hari}$



Encik Finland telah diluluskan **Cuti Tanpa Gaji (Urusan Peribadi)** mulai 11 Mac 2023-10 April 2023. Kemudian **dalam tempoh CTG tersebut, pegawai telah mengalami kemalangan dan diberi Sijil Sakit** mulai 6 April 2023 hingga 23 April 2023 (18 hari).


Apakah status CTG beliau pada 6 April hingga 10 April 2023 (5 hari) tersebut?

Oleh kerana pegawai telah diluluskan CTG hingga 10 April 2023, maka tempoh 6 hingga 10 April 2023 **tersebut dianggap masih CTG**. Ini adalah selaras **Perintah Am 21 Bab C (Cuti)** yang menjelaskan bahawa seseorang **pegawai yang jatuh sakit semasa bercuti separuh gaji atau tanpa gaji tidak akan berkecualan mendapat Cuti Sakit**. Justeru tempoh Cuti Sakit pegawai akan bermula pada **11 April 2023** sehingga tamat perakuan tidak sihat tersebut.



Encik Finland telah diluluskan **Cuti Tanpa Gaji (Urusan Peribadi)** mulai 11 Mac-10 April 2024. Kemudian **dalam tempoh CTG tersebut, pegawai telah mengalami kemalangan dan diberi Sijil Sakit** mulai 6 April 2024 hingga 23 April 2024 (18 hari).

Apakah status CTG beliau pada 6 April hingga 10 April 2024 (5 hari) tersebut?



CTG 11 Mac -10 April 2024

6-10 April 2024 **tersebut dianggap masih CTG**

Ini adalah selaras **Perintah Am 21 Bab C (Cuti)** yang menjelaskan bahawa seseorang **pegawai yang jatuh sakit semasa bercuti separuh gaji atau tanpa gaji tidak akan berkelayakan mendapat Cuti Sakit**. Justeru tempoh Cuti Sakit pegawai akan bermula pada **11 April 2024** hingga tamat perakuan tidak sihat tersebut (**23/4/2024**).

CTG Mengikut Pasangan Bertugas Atau berkursus Di Dalam/ Luar Negara

Ceraian SR.5.1.4

Pasangan kepada pegawai yang:

- **bertugas** : berkhidmat atau menyandang sesuatu jawatan bagi tempoh melebihi 3 bulan
- **berkursus** : menjalani kursus/ latihan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus melebihi 3 bulan
- bertaraf **tetap** termasuk yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan
- **tempoh** : mengikut tempoh pasangan bertugas/ berkursus
- pegawai lantikan **sementara & kontrak tidak layak**



CUTI REHAT KHAS

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Ceraian SR.5.1.5

TUJUAN

PPP yang mengajar dan diberi kemudahan cuti penggal/ semester di sekolah atau institusi pendidikan.

KADAR

Kurang 10 tahun
perkhidmatan yang
melayakkan

10 hari/ setahun

Lebih 10 tahun
perkhidmatan yang
melayakkan

15 hari/ setahun

Mulai
1 Sept. 2022

SYARAT

1. Layak diambil secara **prorata** berdasarkan tempoh perkhidmatan yang melayakkan.
2. Kegunaan dalam **tahun semasa sahaja**. Baki CRK yang tidak digunakan **tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya** tetapi **boleh dikumpul bagi tujuan GCR** berdasarkan peraturan berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
3. Pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas

1. Dipanjangkan kepada Guru Sandaran/ Guru Interim serta Guru Kontrak.
2. Bagi Guru Sandaran/ Guru Interim serta Guru Kontrak Baki CRK tidak boleh dibawa ke GCR.



CUTI REHAT KHAS

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Ceraian SR.5.1.5

SYARAT

4. Boleh diberikan **melebihi dari bilangan yang dilayaki secara prorata** untuk tujuan berikut:
 - a) Ziarah keluarga/ sanak saudara sakit/ meninggal dunia
 - b) mengiringi ahli keluarga untuk mendapatkan rawatan;
 - c) menghadiri upacara keagamaan yang dianuti oleh pegawai;
 - d) kecemasan atau kemalangan (cth: kebakaran, banjir)
 - e) menghadiri majlis konvokesyen pegawai atau ahli keluarga;
 - f) mendaftar anak ke sekolah atau institusi pengajian tinggi (di dalam atau di luar negara);
 - g) menunaikan fardhu haji sekiranya tempoh 40 hari tidak mencukupi;
 - h) menghadiri kursus suai kenal bagi kursus luar kampus; dan
 - i) perkahwinan pegawai atau anak pegawai.
5. Pemotongan emolumen sebagai ganti CRK yang telah terlebih diambil.

CUTI ATAS SEBAB PERUBATAN

- 1. Cuti Sakit**
- 2. Cuti Sakit Lanjutan**
- 3. Cuti Kerantina**
- 4. Cuti Bersalin**
- 5. Cuti Tibi, Kusta dan Barah**
- 6. Cuti Kecederaan**

CUTI ATAS SEBAB PERUBATAN

Perintah Am (P.A) 15 Bab C

“..Cuti-cuti atas sebab perubatan adalah diberi oleh Ketua Jabatan atau Kuasa Tertentu bila seseorang pegawai itu **disahkan oleh seseorang Pegawai Perubatan atau oleh sebuah Lembaga Perubatan atau oleh seorang ahli Panel Doktor sebagai tidak sihat untuk menjalankan tugas-tugas jawatannya...**”

“..Pengesahan itu hendaklah di atas **sijil sakit...**”

“..**Ketua Jabatan boleh menerima sijil sakit tersebut mengikut budi bicaranya...**”

Perintah Am 15 Bab C

1. CUTI SAKIT

- Perintah Am 17 Bab C
- MyPPSM Ceraian SR.5.4.9

TUJUAN

Diberikan kepada pegawai yang telah disahkan sebagai **tidak sihat untuk bertugas** oleh **Pegawai Perubatan** supaya pegawai boleh **berehat di rumah atau hospital** untuk **memulihkan kesihatannya**

KADAR

90 hari pertama diluluskan oleh **Ketua Jabatan**
90 hari tambahan diluluskan oleh **KSU**
= 180 hari dalam suatu tahun kalendar

CUTI SAKIT

SYARAT/PELAKSANAAN

- Pegawai **disahkan tidak sihat** untuk bertugas oleh **Pegawai Perubatan/ Lembaga Perubatan/ Panel Doktor**.
- Pengesahan dibuat **di atas Sijil Sakit**.
- Mengemukakan Sijil Sakit kepada Ketua Jabatan/ KSU untuk kelulusan.
- **Semua Cuti Sakit hendaklah dihabiskan di hospital @ rumah pegawai melainkan jikalau ditetapkan oleh seorang Pegawai Perubatan sebaliknya.**
- **Termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.**
- Jika pegawai masih disahkan tidak sihat setelah menghabiskan semua kelayakan Cuti Sakit, maka Ketua Jabatan boleh memberikan Cuti Rehat/Cuti Rehat Khas dan Cuti Tambahan Perubatan yang berkelayakan.

1. CUTI SAKIT : Sijil Sakit

Perintah Am 1(xi) Bab C

SIJIL CUTI SAKIT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah memeriksa Encik/Cik/Puan...

.....
dari Kementerian/Jabatan.....
.....
dan mendapati yang beliau:

(a) Tidak sihat untuk menjalankan tugasnya dengan sempurna selama..... hari
daripada..... hingga.....
.....

(b) Boleh bertugas semula pada.....
(c) Beliau dikehendaki datang semula untuk pemeriksaan pada.....

[Potong (b) atau (c) mengikut mana yang tidak berkenaan]

22.10.10

Tarikh

No. 1, Jln PBE,

Presint 9,

62250 PUTRAJAYA

TEL NO: 03-8888 3057

Klinik/Hospital
(Cop Rasmi)

Pegawai Perubatan

Nama
(Huruf Besar)

TAKRIFAN

“sijil akuan sakit yang dikeluarkan oleh seorang pegawai perubatan Kerajaan atau oleh sebuah Lembaga Perubatan (Perintah-perintah Am, Bab F) atau oleh seorang ahli Panel Doktor yang diluluskan oleh Kerajaan.”

PERINTAH AM 6(A) BAB F

“Seseorang pegawai yang jatuh sakit dan tidak dapat hadir di pejabatnya, hendaklah mendapatkan Sijil Sakit dari pegawai perubatan atau Panel Doktor dan menghantarkan Sijil tersebut kepada Ketua Jabatannya dengan seberapa segera yang boleh.”

SIJIL SAKIT SWASTA

TANPA SOKONGAN PEGAWAI PERUBATAN

Pindaan
berkuat kuasa
18 Feb. 2022

RAWATAN PESAKIT LUAR

RAWATAN PESAKIT DALAM

Jumlah Cuti Sakit - Sijil Sakit Swasta atau Sijil Sakit Kerajaan



tidak melebihi **180 hari** dalam suatu tahun kalendar

Atau

PANEL DOKTOR

180 hari (SPP18/1975)

Panel Doktor (PA 1(v) Bab F):

Seorang doktor swasta yang diluluskan oleh Kerajaan untuk menjadi ahli Panel Doktor bagi tujuan mengeluarkan Sijil Sakit (seperti yang ditafsirkan dalam Bab C) yang **tidak perlu ditandatangani timbal oleh seorang pegawai perubatan Kerajaan** sebelum boleh diterima oleh KJ.



Adakah Sijil Sakit daripada **pengamal perubatan tradisional** boleh dianggap Sijil Sakit swasta?

Tidak boleh.

Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan tradisional dan komplementari **seperti akupunktur, homeopathy, perubatan tradisional Melayu/ Cina/ India dan sebagainya tidak boleh diterima bagi tujuan permohonan Cuti Sakit swasta** kerana **tidak memenuhi takrifan Sijil Sakit** di bawah Perintah Am 1 (ix) Bab C Tahun 1974.

Sijil Sakit daripada rawatan tradisional dan komplementari tidak termasuk di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.



Apakah tindakan yang boleh diambil bagi pegawai yang mengemukakan **Sijil Sakit palsu atau meminda Cuti Sakit?**

Ketua Jabatan hendaklah membuat **semakan sewajarnya ke atas kesahihan Sijil Sakit swasta** yang dikemukakan oleh pegawai.

Tindakan tatatertib di bawah Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 boleh diambil oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang mengemukakan Sijil Sakit palsu.





Kadar Cuti Rehat tahunan Encik Greece adalah sebanyak 30 hari setahun. Pada tahun 2023 Encik G **telah diluluskan Cuti Sakit bergaji penuh sebanyak 180 hari**. Adakah Cuti Sakit tersebut akan menjejaskan Cuti Rehat tahunan Encik G ?

Tidak.

Cuti Sakit bergaji penuh **termasuk dalam perkhidmatan yang melayakkan**. Justeru **tidak menjejaskan Cuti Rehat tahunan** pegawai.

Perintah Am 1 (ix) Bab C (Cuti)



Encik Holland telah diluluskan **Cuti Rehat** di dalam negara sebanyak **5 hari bermula 8 Mei hingga 12 Mei 2023**. Pada **10 Mei hingga 11 Mei 2023 pula, Encik Raju telah diberikan Sijil Sakit**. Adakah Encik H layak diberikan Cuti Sakit bagi tempoh 2 hari (10-11 Mei 2023) tersebut?

Layak.

Pegawai **boleh diberikan Cuti Sakit selama 2 hari (10-11 Mei 2023) dan membatalkan Cuti Rehat** yang telah dipohon bagi tempoh 2 hari tersebut. Encik H boleh menyambung semula baki Cuti Rehat yang telah dipohon tetapi belum digunakan (12 Mei 2023).

Perintah Am 19 Bab C (Cuti)

2.CUTI SAKIT LANJUTAN

- Perintah Am (P.A) 22 Bab C
- MyPPSM Ceraian SR. 5.4.8

TUJUAN

Bagi **membolehkan pegawai pulih** atau sihat semula. Pegawai **diperakukan oleh Lembaga Perubatan** sebagai **tidak sihat untuk bertugas tetapi ada harapan untuk sihat semula** bagi perkhidmatan selanjutnya.

KADAR

- **CSL Separuh Gaji (maksimum 90 hari)** dengan **perakuan Lembaga Perubatan** yang mengesahkan bahawa pegawai masih tidak sihat untuk bertugas semula tapi ada harapan untuk sembuh.
- **CSL Tanpa Gaji (maksimum 90 hari)** dengan dibayar **Elaun Bantuan bersamaan Separuh Gaji** jika masih tidak sihat dan diperakukan oleh Lembaga Perubatan sebagai ada harapan untuk sembuh.

CUTI SAKIT LANJUTAN


Perintah Am 22 Bab C; MyPPSM Ceraian SR.5.4.8

SYARAT

- Telah menghabiskan **Cuti Sakit bergaji penuh** selama **180 hari**.
- Telah menghabiskan **Cuti Rehat** yang berkecukupan.
- Mengemukakan laporan dan perakuan Lembaga Perubatan.
- Cuti Sakit Lanjutan diberi dalam 1 tahun kalendar dan boleh **diulangi** dalam **tahun kedua**.
- **Belum sembuh, boleh dibersarakan** dengan perakuan Lembaga Perubatan (PP 10/1995).

❑ **Sijil Sakit boleh diterima** bagi tujuan **Cuti Sakit Lanjutan Separuh Gaji** Sementara menunggu Laporan Lembaga Perubatan.

❑ Jika pegawai **tidak dapat mengemukakan Sijil Sakit** dalam tempoh menunggu Laporan Lembaga Perubatan, maka pegawai hendaklah **diberi Cuti Tanpa Gaji**.





KELAYAKAN CS DAN CSL DALAM SATU TAHUN KALENDAR

Tahun Pertama

PROSEDUR PEMBERIAN CS DAN CSL

KATEGORI	TEMPOH	KUASA MELULUS	CATATAN
CUTI SAKIT Gaji Penuh	90 hari	Ketua Jabatan	-
CUTI SAKIT Gaji Penuh	90 hari	KSU	LP DITUBUHKAN
CUTI REHAT Gaji Penuh	Mengikut Kelayakan	Ketua Jabatan	
CUTI SAKIT LANJUTAN Separuh Gaji	90 hari	KSU	Dengan Perakuan LP
CUTI SAKIT LANJUTAN Tanpa Gaji + Elaun Bantuan	90 hari	KSU	Dengan Perakuan LP



KELAYAKAN CS DAN CSL DALAM SATU TAHUN KALENDAR

Tahun Kedua

PROSEDUR PEMBERIAN CS DAN CSL

KATEGORI	TEMPOH	KUASA MELULUS	CATATAN
CUTI SAKIT Gaji Penuh	90 hari	Ketua Jabatan	-
CUTI SAKIT Gaji Penuh	90 hari	KSU	LP
CUTI REHAT Gaji Penuh	Mengikut Kelayakan	Ketua Jabatan	DITUBUHKAN
CUTI SAKIT LANJUTAN Separuh Gaji	90 hari	KSU	Dengan Perakuan LP
CUTI SAKIT LANJUTAN Tanpa Gaji + Elaun Bantuan	90 hari	KSU	Dengan Perakuan LP



KELAYAKAN CS DAN CSL DALAM SATU TAHUN KALENDAR

Tahun Ketiga

PROSEDUR PEMBERIAN CS DAN CSL

KATEGORI	TEMPOH	KUASA MELULUS	CATATAN
CUTI SAKIT Gaji Penuh	90 hari	Ketua Jabatan	-
CUTI SAKIT Gaji Penuh	90 hari	KSU	LP
CUTI REHAT Gaji Penuh	Mengikut Kelayakan	Ketua Jabatan	DITUBUHKAN
DIBERSARAKAN (ASK)	-	-	Dengan Perakuan LP (diperaku sebagai tiada harapan untuk sembuh)



Pegawai telah menggunakan **Cuti Sakit Lanjutan (secara separuh gaji)** selama 90 hari.

Adakah ia akan **menjejaskan** kelayakan **Cuti Separuh Gaji**?

- 1. Cuti Sakit Lanjutan (separuh gaji)
- 2. Cuti Tibi Kusta dan Barah
- 3. Cuti Bersalin

X Menjejaskan

**CSG PA
13 Bab C**



Pegawai telah menggunakan **Cuti Sakit Lanjutan** (secara separuh gaji) selama 90 hari. Adakah ia akan menjejaskan kelayakan CSG?

Cuti-cuti lain seperti Cuti Sakit Lanjutan, Cuti Tibi, Kusta dan Barah dan Cuti Bersalin **tidak menjejaskan** peruntukan kadar kelayakan CSG di bawah Perintah Am 13 Bab C (Cuti) Tahun 1974 kerana CSG hanya diperuntukkan atas sebab kesihatan sanak saudara pegawai.

Sebab-sebab Penubuhan Lembaga Perubatan



01

Apabila pada **tiap-tiap tahun** dalam masa **3 tahun** yang berturut-turut pegawai itu telah bercuti sakit sebanyak **45 hari atau lebih**;

02

Apabila seseorang pegawai **didapati tidak sihat** setelah **menghabiskan** semua cuti-cuti sakit biasanya;

03

Apabila seseorang Pegawai Perubatan berpendapat bahawa **tiada harapan** untuk pegawai menjadi **sihat** untuk bertugas;

04

Apabila kesiuman **otak** atau **kesihatan badan** pegawai diragu-ragukan;

05

Apabila pegawai telah tercedera/mengalami penyakit semasa bertugas;

06

Apabila pegawai disahkan mengidap penyakit **tibi, kusta** atau **barah**;

07

Apabila pegawai atau keluarganya perlu diperiksa untuk mendapatkan rawatan luar Negeri kerana tiada rawatan sedemikian di Negara ini; dan

08

Lain-lain keadaan di mana Lembaga Perubatan perlu ditubuhkan atas arahan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.CUTI KERANTINA

Perintah Am (P.A) 24 Bab C



TUJUAN

Menghalang berlakunya wabak penyakit daripada merebak.

KADAR

- **Sepanjang tempoh penahanan (Bergaji Penuh)**
- Jika pegawai sakit - dikira sebagai **Cuti Sakit**

SYARAT

- Pegawai dari perjalanan balik ke Malaysia dari luar negeri dan ditahan di mana-mana stesen kerantina:
 - Pintu Masuk Negara (lapangan terbang, pelabuhan)
- Pegawai dikurung di rumahnya kerana penyakit merebak di rumahnya

4.CUTI BERSALIN

- Perintah Am (P.A) 25 & 26 Bab C
- Ceraian SR.5.4.1

TUJUAN

Diberi kepada pegawai wanita untuk **pulih daripada melahirkan anak** (termasuk pegawai yang melahirkan anak selepas **22 minggu** mengandung, sama ada bayi itu hidup atau meninggal dunia)



KADAR

- **60 hingga 90 hari** bagi setiap kelahiran
- Layak **360 hari** sepanjang tempoh perkhidmatan

SYARAT

- Pegawai boleh memilih menggunakan Cuti Bersalin sama ada:
 - I. bermula pada **tarikh bersalin**; atau
 - II. pada **bila-bila masa dalam tempoh 14 hari** dari tarikh dijangka bersalin
- dokumen sokongan (surat akuan tarikh bersalin/ dokumen mengesahkan tarikh dijangka bersalin) bersama-sama borang permohonan CB
- Tidak boleh meminda tempoh CB yang telah diluluskan oleh KJ
- Dicatatkan ke dalam Buku Rekod Perkhidmatan



Pasangan suami isteri, Encik Kenya dan Puan Jamaica sama-sama bekerja di Jabatan ABC. Pada 2 Ogos 2019, Puan Amira telah selamat melahirkan sepasang bayi kembar pada jam 6.01 petang.

a) Bilakah tempoh Cuti Bersalin beliau bermula?

b) Bilakah tempoh Cuti Isteri Bersalin bagi Encik K bermula?

Tempoh cuti bersalin pegawai adalah **pada hari bersalin** melainkan pegawai memohon 2 minggu sebelum tarikh EDD.

Memandangkan isteri Encik K bersalin selepas waktu pejabat iaitu jam 6.01 petang maka kemudahan Cuti Isteri Bersalin adalah pada keesokan harinya.

CUTI BERSALIN

PP 5/2017 /Ceraian SR.5.4.1


Bagi pegawai kecuali guru

360 hari

Cuti Bersalin Bergaji Penuh


Baki
<60 hari

Baki **Cuti Bersalin (CB)**
Bergaji Penuh



Baki
0 hari

Mulai tarikh bersalin



***Dikehendaki memenuhi minimum 60 hari**

5.CUTI TIBI, KUSTA DAN BARAH

Perintah Am (P.A) 31 Bab C, MyPPSM Ceraian 5.4.7

TUJUAN

Memerlukan tempoh rawatan yang panjang

SYARAT

- Disahkan mengidap penyakit tibi, kusta atau barah; dan
- Mengemukakan Sijil Sakit kepada Ketua Jabatan.



KADAR

- **Cuti sakit bergaji penuh** selama 12 bulan (penyakit tibi) atau 24 bulan (penyakit kusta/ barah).
- **Selepas cuti sakit bergaji penuh habis digunakan:**
 - i. **Cuti Rehat** yang berkelayakan
 - ii. **Cuti Separuh Gaji:** tidak lebih 12 bulan (kelulusan KSU)
 - iii. **Cuti bergaji penuh/separuh gaji/bersara** – budi bicara KSU dengan perakuan LP
- ❖ Cuti Tibi Kusta dan Barah juga boleh diberikan kepada jenis penyakit yang **setaraf** dengan penyakit tibi, kusta dan barah yang diperakukan oleh Lembaga Perubatan.

PROSEDUR PEMBERIAN KELAYAKAN CUTI TIBI, KUSTA DAN BARAH

KATEGORI	TEMPOH	KUASA MELULUS	CATATAN
CUTI SAKIT Gaji Penuh	12/24 bulan	Ketua Jabatan	Mulai tarikh pengesahan
CUTI REHAT	Mengikut Kelayakan	Ketua Jabatan	-
CUTI SEPARUH GAJI	Tidak lebih 12 bulan	KSU	LP DITUBUHKAN
(CUTI TAMBAHAN) CUTI BERGAJI PENUH/ SEPARUH GAJI/ DIBERSARAKAN (ASK)			Dengan Perakuan LP (diperaku sebagai tiada harapan untuk sembuh)

Cuti Sakit Bergaji Penuh selama 12 bulan (Tibi) atau 24 bulan (Kusta/ Barah) **tidak mengira** sebarang Cuti Sakit yang telah diambil kerana penyakit-penyakit lain.



Adakah Ketua Jabatan boleh meluluskan permohonan Cuti Barah dengan hanya pengesahan Sijil Sakit pegawai sahaja tanpa surat pengesahan dari hospital?

Kelulusan kemudahan Cuti Sakit Barah diberi bermula dari tarikh **surat pengesahan menghidap barah oleh Pegawai Perubatan** dan cuti boleh secara berperingkat iaitu **tidak semestinya secara berterusan** untuk tempoh 24 bulan kerana ia adalah **berdasarkan tempoh yang dinyatakan dalam Sijil Sakit atas tujuan rawatan barah** yang dikemukakan oleh pegawai.

Cuti Sakit Barah adalah masih tertakluk kepada peraturan **perlu mengemukakan Sijil Cuti Sakit untuk tempoh pegawai bercuti tersebut.**

Surat Pengesahan hospital digunakan untuk penentuan tarikh bercuti (Cuti Sakit Barah) pegawai



Adakah pegawai **boleh menggunakan Cuti Sakit 180 hari terlebih dahulu** apabila pegawai telah disahkan menghidap penyakit tibi?

Tidak boleh.

Pegawai perlu menggunakan **Cuti Sakit bergaji penuh tidak melebihi 12 bulan di bawah peruntukan SR.5.4.7** (Kemudahan Cuti Sakit Tibi, Kusta Dan Barah) selaras dengan tujuan kemudahan Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah diperuntukkan.

6.CUTI KECEDEeraan

Perintah Am 27 hingga 29 Bab C

TUJUAN

Diberikan kepada **pegawai yang mendapat kecederaan semasa menjalankan tugas rasmi sebagai tambahan** setelah menggunakan kelayakan Cuti Sakit di bawah peruntukan Perintah Am 17 Bab C

KADAR

Cuti Bergaji Penuh hingga ke suatu tarikh pegawai akan pulih atau ke tarikh ia akan dibersarakan dari perkhidmatan setelah Cuti Sakit habis digunakan.

SYARAT

- Diperakukan oleh Lembaga Perubatan **mempunyai harapan untuk sembuh** dan berpunca daripada kecederaan semasa bertugas.
- **Diluluskan oleh KPPA**



CUTI KECEDEeraan

Perintah Am (P.A) 27 hingga 29 Bab C

JENIS CUTI	TEMPOH	KUASA MELULUS
Cuti Sakit Bergaji Penuh	90 hari	Ketua Jabatan
	90 hari	Ketua Setiausaha Kementrian
Cuti Kecederaan sebagai Cuti Sakit tambahan bergaji penuh	Bermula selepas Cuti Sakit Bergaji Penuh habis digunakan hingga ke satu tarikh pegawai akan pulih atau ke tarikh ia akan dibersarakan dari perkhidmatan.	‘Kuasa Tertentu’ iaitu KPPA (KPPA akan membuat pertimbangan berdasarkan perakuan Lembaga Perubatan)

CUTI KECEDERAAN

Perintah Am 27 hingga 29 Bab C

Bil	Dokumen Permohonan Cuti Kecederaan
1	Surat permohonan dan ulasan Kementerian
2	Salinan sijil sakit bagi kecederaan yang dialami yang disahkan mulai dari tarikh kecederaan sehingga kini/tarikh pegawai sembuh
3	Ringkasan kelulusan Cuti Sakit bergaji penuh (kelulusan Ketua Jabatan dan KSU) dan tempoh permohonan Cuti Kecederaan
4	Salinan Laporan Lembaga Perubatan
5	Salinan Buku Rekod Perkhidmatan dan kenyataan cuti yang telah dikemas kini
6	Kronologi kejadian kecederaan/kemalangan
7	Salinan laporan polis yang disahkan (bagi kemalangan pergi balik dari tempat bertugas)
8	Perakuan bertugas pegawai oleh Pegawai Penyelia/Ketua Jabatan pada tarikh kecederaan kemalangan
9	Senarai tugas pegawai
10	Lakaran tempat kejadian kemalangan (bagi kemalangan pergi balik dari tempat bertugas)
11	Surat pengesahan pegawai telah bertugas jika pegawai telah sembuh dan kembali bertugas
12	Laporan perubatan /laporan Return To Work (jika berkaitan)



Seorang penjawat awam telah terlibat dalam kemalangan jalan raya semasa bertugas pada 28 Disember 2017. Kemalangan tersebut melibatkan kenderaan yang dipandu beliau semasa dalam perjalanan balik dari pejabat

Q : Apakah **kelayakan Cuti yang beliau layak?**

A: Cuti Sakit 180 hari

B: Cuti Sakit Lanjutan

C: Cuti Rehat

D: Cuti Kecederaan



Tidak perlu ditolak Cuti Rehat selepas Cuti Sakit kerana Cuti Kecederaan diperuntukkan selepas tamat Cuti Sakit Bergaji Penuh (P.Am 27 Bab C)

Tahun	Jenis Cuti	Tempoh	Bil. hari	Kelulusan
2017	Cuti Sakit Bergaji Penuh	28/12/2017 – 31/12/2017	4	Ketua Jabatan
2018	Cuti Sakit Bergaji Penuh 	1/1/2018 – 31/3/2018	90	Ketua Jabatan
		1/4/2018 – 29/6/2018	90	Kuasa Tertentu
	Cuti Kecederaan	30/6/2018 – 31/12/2018	185	Kuasa Tertentu
2019	Cuti Kecederaan	1/1/2019 – 26/3/2019	73	
		10/4/2019 – 2/9/2019	122	

CUTI TIDAK BEREKOD

JENIS – JENIS CTR

Mengambil Bahagian dalam Pertandingan Sukan Tidak lebih 30 hari 1	Cuti Gantian 9 jam bersamaan 1 hari 2	Latihan Pasukan Sukarela 30+2 hari perjalanan 3	Latihan/Khemah Kerja Persatuan/ Pertubuhan 14+2 hari perjalanan 4	Latihan Syarikat Kerjasama Tidak melebihi 2 bulan 5	Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Tempoh sebenar + 2 hari 6	Tugas Khas Perubatan 14 hari 7	Lain-lain Kursus (Kursus Belia, Kepimpinan dan Kesatuan Sekerja) 14 +2 hari 8
Mengambil Peperiksaan Hari peperiksaan 9	Mengambil Bhg. Dalam Lawattan Kebudayaan Di Luar Negeri Tempoh sebenar 10	Menghadiri Konvensyen MBK Hari mesyuarat 11	Hadir Ke Mahkamah Di Luar Stesen Tempoh sebenar + 2 hari 12	Isteri Bersalin 7 hari 13	Jurulatih PLKN Tempoh sebenar + 2 hari 14	Kursus Sambilan Di IPT Dalam Negara 30 hari 15	Menderma Organ 42 hari 16
Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat 3 hari 17	Menyertai Musabaqah Al-Quran 30 hari 18	Deepavali 1 hari 19	Good Friday 1 hari 20	Perayaan Songkran 1 hari 21	Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 1 hari 22	Perayaan Vaisakhi 1 hari 23	Umrah 7 hari 24
Keagamaan 7 hari 25				Aktiviti Khidmat Masyarakat 5 hari 26			

 CTR dalam PA 40-47 Bab C

1. CUTI GANTIAN

Perintah Am (P.A) 40 Bab C, SPP 1/1980

TUJUAN

tidak berkelayakan mendapat bayaran kerana bekerja lebih masa/sebarang bayaran khas lain kerana dipanggil bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, Hari Kelepasan Am atau Hari Kelepasan Mingguan

KADAR

- Masa sebenar bertugas lebih masa
- **9 jam bertugas lebih masa = 1 hari Cuti Gantian**

SYARAT

- Diarahkan kerja lebih masa
- Tidak layak Bayaran Lebih Masa atau sebarang bayaran khas lain
- Kelulusan Ketua Jabatan
- Dalam tempoh **6 bulan daripada kelulusan/** diarahkan kerja lebih masa



2. CTR LATIHAN PASUKAN SUKARELA

Perintah Am (P.A) 41 Bab C, SPP 5/1985 MYPPSM Ceraian 5.5.2

TUJUAN

Menghadiri **latihan atau khemah tahunan** pasukan-pasukan sukarela.

KADAR

- **30 hari setahun.**
- Tambahan **2 hari perjalanan** pergi dan balik ke tempat latihan

SYARAT

- Pasukan Sukarela:
 - Askar Wataniah**
 - Pasukan Simpanan Sukarela TLDM**
 - Pasukan Simpanan Sukarela TUDM**
 - Pasukan Sukarela Polis (PVR)**
 - Pasukan Pertahanan Awam**
 - RELA**
 - Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia**
- Kemukakan surat daripada pemerintah pasukan sukarela yang memberitahu pegawai dikehendaki menghadiri latihan/ khemah tahunan



3. CTR MENGHADIRI LATIHAN/ KHEMAH TAHUNAN PERTUBUHAN/ PERSATUAN

Perintah Am (P.A) 42(a) Bab C, MYPPSM Ceraian SR.5.5.3

TUJUAN

Menghadiri **Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Luar Biasa, Khemah/ Latihan Tahunan, seminar dan aktiviti-aktiviti sukan**

KADAR

- **14 hari setahun**
- Tambahan **2 hari perjalanan** pergi dan balik ke tempat latihan

SYARAT

- Menjadi **ahli Pertubuhan/ Persatuan** yang **diisytihar oleh KPPA**
- Anjuran pertubuhan/ persatuan berkaitan di **Malaysia sahaja**
- Dipanjangkan: **anjuran Persatuan Kebajikan dan Sukan di Jabatan-jabatan Kerajaan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan**
- Kelulusan Ketua Jabatan

Pertubuhan/ Persatuan yang diiktiraf oleh KPPA (sehingga 11 Disember 2023)

**Perintah Am (P.A) 42(a) Bab C,
MYPPSM Ceraian SR.5.5.3**

1. Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Laut)
2. Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Darat)
3. Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (Udara)
4. Persekutuan Pengakap Malaysia
5. Persatuan Pandu Puteri Malaysia
6. The Boys' Brigade in Malaysia (Briged Putera Malaysia)
7. Briged Puteri Malaysia (The Girls' Brigade Malaysia)
8. St. John Ambulan
9. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia
10. Persatuan Perancang Keluarga Sabah (Sabah Family Planning Association)
11. PEMADAM (Persatuan Mencegah Dadah Malaysia)
12. Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia (The Life Saving Society of Malaysia)
13. Persatuan Membantu Orang-Orang dalam Penyeliaan
14. Pertubuhan Orang-Orang Cacat Penglihatan Malaysia (Society of The Blind In Malaysia)
15. Persatuan Pengguna
16. Persatuan Bagi Mencegah Penyakit Tibi Malaysia
17. Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA)
18. Pasukan Kadet Polis Diraja Malaysia
19. Persatuan Keluarga Polis Diraja Malaysia

20. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
21. Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (National Council Of Womens Organisations, (NCWO) Malaysia)
22. Persatuan Stem Kebangsaan (National Stem Association)
23. Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri
24. Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY)
25. Persatuan Intellektual Muslim Malaysia
26. Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK)
27. Majlis Belia Sabah (MBS)
28. Pertubuhan Bantuan Teknikal Insaf Malaysia (INSAF)
29. Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (Malaysia Counseling Association, International) (PERKAMA International) (PERKAMA)
30. Majlis kanser Nasional (MAKNA)
31. Persatuan Sejarah Malaysia (PSM)
32. Persatuan Muzium Malaysia(PMM)
33. Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD)
34. Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)
35. Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT)
36. Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK)
37. Persatuan Alumni Program Pembangunan Eksekutif (*Executive Development Programme*) (EDP), *Central Officials Training Institute (COTI)*, Korea Selatan- Malaysia

4. CUTI LAIN-LAIN KURSUS

Perintah Am (P.A) 42(b) Bab C

(CTR KEPIMPINAN BELIA, BINA SEMANGAT & KURSUS KESATUAN SEKERJA)

TUJUAN

- **Kursus/Latihan Kepimpinan Belia dan Bina Semangat** - anjuran Kementerian Belia dan Sukan
- **Kursus Kesatuan Sekerja** - diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia
 - Persidangan perwakilan peringkat kebangsaan/antarabangsa (dlm negeri)
 - Mesyuarat agung/luar biasa (kebangsaan)

KADAR

- **14 hari setahun.**
- Tambahan **2 hari perjalanan pergi dan balik** ke tempat latihan

SYARAT

- Kelulusan Ketua Jabatan - tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan
- Kursus/persidangan Kesatuan Sekerja di luar Negara - diluluskan oleh KSU

5. CTR MENGHADIRI LATIHAN SYARIKAT KERJASAMA

P.A 43 BAB C

TUJUAN

Menghadiri **kursus, latihan, seminar atau mesyuarat** syarikat kerjasama yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Koperasi di dalam atau di luar Malaysia

KADAR

- **Tidak melebihi 2 bulan** (kursus di Maktab Koperasi)
- **Tempoh sebenar** (kursus, latihan, seminar, mesyuarat)

SYARAT

- **Menjadi ahli** dalam syarikat kerjasama
- Dijemput atau dilantik ke sebarang jawatan dalam syarikat kerjasama
- Telah **membuat akuan bertulis untuk memegang jawatan** dalam syarikat kerjasama
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan - tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan

6. CTR MENGAMBIL PEPERIKSAAN

Perintah Am (P.A) 44 Bab C, MyPPSM Ceraian SR.5.2.3



TUJUAN

Mengambil peperiksaan yang boleh membaiki peluang hidup pegawai.

KADAR

Hari peperiksaan sahaja

SYARAT

Kelulusan atas budi bicara Ketua Jabatan

7. CTR KURSUS SAMBILAN DI IPT DALAM NEGARA

Ceraian SR.5.2.5

KADAR

- tidak melebihi 30 hari dalam 1 tahun pengajian
- maksimum 2 kali sepanjang tempoh perkhidmatan

SYARAT

- telah **disahkan** dalam perkhidmatan
- terlebih dahulu mendapatkan **kebenaran** secara bertulis untuk mengikuti kursus secara sambilan
- kursus peringkat Diploma, Ijazah Pertama, Diploma Lanjutan, Sarjana & Ph.D
- kursus yang **diiktiraf** oleh Kerajaan
- kelulusan Ketua Jabatan

- Kursus meliputi modul: kuliah, tutorial, seminar/ bengkel/ kolokium, latihan amal/ latihan industri yang kurang drp. 30 hari
- 2 kali bermaksud peringkat pengajian. Cth.: kali pertama di peringkat Sarjana, kali kedua di peringkat Ph.D.
- 30 hari setahun pengajian - setahun pengajian bermaksud pengajian pegawai mengikut tempoh pengajian universiti. Cth.: Sept.2022 - September 2023. Pegawai boleh mohon untuk guna 30 hari pada setiap tahun pengajian. Jika 3 tahun pengajian, pegawai boleh mohon 90 hari (30 hari x 3 tahun).

8. CUTI MENGHADIRI MESYUARAT PERSATUAN IKHTISAS

P.A 45 BAB C, PP BIL 9/1977

TUJUAN

Menghadiri **Mesyuarat Agung Tahunan** dan **Mesyuarat Agung Luar Biasa**

KADAR

- **Tempoh** sebenar mesyuarat.
- Tempoh **perjalanan pergi dan balik tidak melebihi 2 hari**.
- Berkelayakan membuat tuntutan perjalanan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan

SYARAT

- Menjadi **ahli persatuan ikhtisas**
- **Persatuan ikhtisas yang diisytiharkan oleh KPPA**
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan – tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan

Pertubuhan/ Persatuan Ikhtisas yang diisytihar oleh KPPA

(sehingga 11 Disember 2023)

P.A. 45 BAB C, PP BIL 9/1977

1. The Malaysian Institute of Certified Public Accountants
2. Pertubuhan Arkitek Malaysia
3. Persatuan Ahli Biokimia Klinikal Malaysia (Malaysian Assn of Clinical Biochemists)
4. The Malaysian Dental Association
5. The Institution Of Engineers , Malaysia
6. Institut Kejuruteraan Mineral Galian, Malaysia (The Institute of Engineering, Malaysia)
7. Persatuan Juru-Juru X-Ray Malaysia
8. Persatuan Kesihatan Malaysia (Malaysian Society Of Health)
9. Institut Kimia Malaysia
10. Malaysian Medical Association
11. The Alumni Association of The King Edward VII College of Medicine & The Facilities of Medicine, Universities Of Malaya and Singapore
12. Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (Malaysian Association of Social Workers)
13. Persatuan Geologi Malaysia
14. Persatuan Jururawat Malaysia
15. The Obstetrical And Gynaecological Society Of Malaysia
16. Persatuan Pakar Bius Malaysia
17. Persatuan Ortopedik Malaysia (The Malaysian Orthopaedic Association)
18. Malaysia Society of Pathologists
19. Akademik Perubatan Malaysia
20. Malaysian Association Of Medical Physics
21. Pharmaceutical Association of Malaysia
22. The Malaysian Scientific Association
23. Persatuan Institut Setiausaha Dan Pentadbir Berkanun Malaysia (The Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administrators)
24. The College of Surgeons of Malaysia
25. The Royal Institution Of Surveyors Malaysia
26. Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomati Malaysia
27. Persatuan Teknologi Malaysia
28. Malaysia Institute of Planners
29. Persatuan Kajiperasit dan Perubatan Tropika Malaysia
30. Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (Malaysian Veterinary Medical Association)
31. Persatuan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan
32. Persatuan Dermatology Malaysia
33. Persatuan Radiology Malaysia (Malaysia Radiologi Society)
34. The College of Physicians of Malaysia
35. Persatuan Pemakanan Malaysia
36. Persatuan Pediatrik Malaysia
37. Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia
38. Persatuan Pegawai Pembangunan Masyarakat (Perubatan) Malaysia (Malaysian Association of Medical Social Officers)
39. Institut Teknologi Makanan Malaysia
40. Persatuan Fisioterapi Malaysia (Malaysian Physiotherapy Association)
41. Persatuan Ahli Biokimia – Klinikal Malaysia
42. Persatuan Penyakit Berjangkit Dan Kemoterapi Malaysia
43. Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia
44. Malaysian Psychiatric Association
45. Persatuan Terapi Carakerja Malaysia (OT Malaysia)
46. Persatuan Onkologi Malaysia
47. Persatuan Pegawai Syar'iah Malaysia
48. Persatuan Pegawai Kesihatan Persekitaran Malaysia (EHOM)
49. Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam (PERJASA)
50. Persatuan Otorinolaringologis – Pakar Bedah Kepala dan Leher Malaysia (MSO-HNS)
51. Persatuan Pascasiswazah Optometris Malaysia
52. Persatuan Transfusi Darah Malaysia (PTDM)



9. CTR MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERTANDINGAN SUKAN

Perintah Am 46 (a) Bab C, MYPPSM Ceraian SR.5.5.1

TERKINI

Berkuat kuasa **05 APRIL 2023**
Surat Edaran JPA.(S).800-
1/1/7(26) JLD. 3 (5)

TUJUAN

Melibatkan diri dalam pertandingan sukan di peringkat kebangsaan dan/ atau antarabangsa.

SYARAT

- Mengambil bahagian dalam sukan perwakilan di peringkat kebangsaan dan/ atau antarabangsa.
- Terpilih sebagai atlet, jurulatih, pegawai sukan* dan pegawai teknikal*.
- Ahli Jawatankuasa Penganjur/Pengelola Sukan bagi menghadiri mesyuarat jawatankuasa yang diadakan sebelum atau selepas pertandingan sukan.

KADAR

- Pertandingan sukan peringkat kebangsaan dan / atau antarabangsa: **tidak lebih 3 jenis acara sukan** sahaja dalam setahun
- **Tempoh tidak lebih 30 hari setahun termasuk latihan intensif dan perjalanan pergi dan balik**
- Cuti tambahan yang diperlukan: kelulusan oleh KSU Kementerian
- Tertakluk kepada pertimbangan KJ atas kepentingan Perkhidmatan

- **Pegawai yang dilantik sebagai Sukarelawan Sukan** : CTR adalah mengikut tarikh jadual bertugas yang ditetapkan penganjur/pengelola.

*Nota:

Pegawai sukan seperti senarai Lampiran SR.5.5.1(A)
Pegawai teknikal seperti senarai Lampiran SR.5.5.1 (B)

CTR MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERTANDINGAN SUKAN

Perintah Am 46 (a) Bab C, MYPPSM Ceraian SR.5.5.1

a. SENARAI PEGAWAI SUKAN

- Ketua Delegasi/Timbangan Ketua Delegasi/Ketua Kontinjen/Timbangan Ketua Kontinjen;
- Pengurus Pasukan/Penolong Pengurus Pasukan;
- Pengiring/Chaperone;
- Pegawai Perubatan (Doktor/Penolong Pegawai Perubatan/Pegawai Fisioterapi/Tukang Urut);
- Pegawai Sains Sukan;
- Juru Kamera/Video/Analisa; dan
- Mekanik/Kitman/Pengurus Alatan Pasukan/ Armourer.

b. SENARAI PEGAWAI TEKNIKAL

- Pegawai Teknikal Antarabangsa (International Technical Official);
- Pegawai Teknikal Kebangsaan (National Technical Official);
- Penolong Pegawai Teknikal;
- Ketua Delegasi Teknikal;
- Pengurus/Pengarah Pertandingan;
- Ketua Pengadil/Pengadil;
- Juri Rayuan;
- Juri/Hakim;
- Juri Timbang;
- Penjaga Masa;
- Penjaga Garisan;
- Juruhebah (Announcer);
- Pegawai Klasifikasi (Sukan Para);
- Pengurus Tempat/Peralatan;
- Urus Setia Teknikal /Urus Setia Teknologi Maklumat; dan
- Sukarelawan Sukan.

10. CUTI TUGAS KHAS (PERUBATAN)

Perintah Am 47 Bab C



TUJUAN

Peluang berehat akibat terdedah kepada tugas tertentu

SYARAT

- Menjalankan tugas sepenuh masa:
 - Menjalankan tugas X – ray
 - Tugas merbahaya atau tidak digemari
- Berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan

KADAR

14 hari setahun (tidak boleh dikumpulkan ke tahun berikutnya)

Agensi Nuklear Malaysia :

- Kelulusan pemanjangan kemudahan Cuti Tugas Khas selama 14 setahun kepada **pegawai-pegawai PUSPATI yang terdedah kepada bahaya radiasi** sejajar dengan peruntukan Perintah Am 47 Bab C.
- Kuat kuasa pada 1 Mei 1989



11. CTR ROMBONGAN KEBUDAYAAN DI LUAR NEGERI

MyPPSM Ceraian SR.5.5.6

TUJUAN

Menyertai rombongan kebudayaan

KADAR

Tempoh sebenar lawatan kebudayaan

SYARAT

- Rombongan anjuran Kementerian Belia dan Sukan; dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan – tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

12. MENGHADIRI KONVENSYEN MBK

PP Bil. 6 Tahun 2020 (MBK)

TUJUAN

Menghadiri **Konvensyen Dwi Tahunan 2 tahun** sekali .

KADAR

Tempoh sebenar konvensyen.

SYARAT

- Pegawai dikehendaki untuk hadir ke konvensyen berkenaan.
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan – tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

13. MENGHADIRI PERBICARAAN MAHKAMAH DI LUAR STESEN

MyPPSM Ceraian SR.5.2.4

TUJUAN

Membolehkan pegawai hadir ke mahkamah sebagai **saksi di pihak Kerajaan atau pihak bukan Kerajaan** atau memberi keterangan pakar.



Disapina sebagai Saksi bagi pihak:	Kelayakan
Kerajaan	Bertugas Rasmi
Bukan Kerajaan	(a) Mahkamah Dalam Stesen - Pelepasan meninggalkan pejabat (b) Mahkamah Luar Stesen - Cuti Tanpa Rekod untuk hadir di Mahkamah

14. CUTI ISTERI BERSALIN

MyPPSM Ceraian SR.5.4.2

TUJUAN

Untuk **membantu urusan ketika isterinya bersalin**

KADAR

- **7 hari setiap kali isteri bersalin**, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.
- **5 kali** sepanjang tempoh perkhidmatan.

SYARAT

- Mengemukakan salinan perakuan bersalin isteri kepada Ketua Jabatan.
- **Bermula pada tarikh isteri melahirkan anak**, atau hari berikutnya jika kelahiran selepas waktu pejabat





15. CTR BAGI PEGAWAI YANG DILANTIK SEBAGAI JURULATIH PLKN

MyPPSM Ceraian SR.5.5.4

KADAR

Tempoh sebenar program dengan tambahan sehari sebelum dan selepas bagi maksud perjalanan.

TUJUAN

- Menjalani latihan sebagai jurulatih.
- Menjalankan tugas sebagai jurulatih.

SYARAT

- Dilantik sebagai Jurulatih oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN).
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan.

16. CTR KEPADA PEGAWAI YANG MENDERMA ORGAN

MyPPSM Ceraian SR.5.4.3



KADAR

- Mengikut tempoh yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Pakar atau **tidak melebihi 42 hari**, mengikut yang mana lebih rendah.
- **Bermula dari tarikh pegawai dibenarkan pulang ke rumah.**

TUJUAN

Membolehkan pegawai yang menderma organ **berehat di rumah dan menjalani proses pemulihan.**

SYARAT

- Diperuntukkan kepada **pegawai** yang dilantik secara **tetap, sementara, kontrak (*contract of service*), sangkut dan guru sandaran.**
- Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Untuk **pembedahan yang dijalankan di dalam Negara sahaja.**

17. CTR URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

MyPPSM Ceraian SR.5.2.1

TUJUAN

Menziarahi dan membantu urusan berkaitan kematian ahli keluarga terdekat

KADAR

- **3 hari berturut-turut**
- Bermula **pada tarikh kematian, atau hari berikutnya** jika kematian selepas waktu pejabat.
- Meliputi **Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am**. Masa selepas waktu pejabat juga terpakai bagi Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.


SYARAT

- Mengemukakan salinan pengesahan kematian kepada Ketua Jabatan.
- Tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai jika ketiadaan boleh memudaratkan keselamatan atau kepentingan awam.

CUTI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

MyPPSM Ceraian SR.5.2.1

Pegawai layak CTR apabila kematian berlaku ke atas:



CUTI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

MyPPSM Ceraian SR.5.2.1

Terbaru : diperluaskan kepada adik-beradik, datuk & nenek pegawai


Surat Edaran JPA.(S).800-1/1/7(3)Penambahbaikan Kemudahan
Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat

Diperluaskan kepada :

Pindaan berkuat kuasa
5 September 2022



Adik Beradik




Seayah dan
seibu



Seayah



Seibu



Datuk dan nenek kepada
ibu kandung atau bapa
kandung

TAFSIRAN MyPPSM CERAIAN SR.5.2.1

Anak Kandung

bermaksud anak sendiri.

Anak Tiri Tanggungan

bermaksud anak kepada suami/ isteri hasil daripada perkahwinannya yang terdahulu (bukan darah daging sendiri) yang tinggal bersama dan ditanggung nafkahnya.

Anak Pelihara

bermaksud seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah Seksyen 30(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001. (Akta 611)

Anak Angkat

bermaksud seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula.
[Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)]

Anak Angkat De Facto

bermaksud seseorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh pegawai sebagai anaknya di bawah sesuatu pengangkatan de facto, dan bagi suatu tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan dan sebelum sahaja dari tarikh permohonan tersebut di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952. (Akta 253)



Seorang pegawai telah **kematian suami** pada tahun 2017. Beliau **tidak berkahwin semula** selepas kematian suaminya. Pada tahun 2020 **ibu mentua pegawai** iaitu ibu kepada arwah suaminya telah **meninggal dunia**. Adakah pegawai berkenaan layak menggunakan CTR ini?

Takrifan 'ahli keluarga terdekat' termasuk ibu mentua, bapa mentua yang sah.

Dalam hal ini, pegawai perkhidmatan awam yang **berstatus balu atau duda** (ketika suami/isterinya meninggal dunia **masih ada ikatan yang sah suami/isteri dan belum berkahwin baru**) adalah **layak** menggunakan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat selama 3 hari.

Ceraian SR.5.2.1 MyPPSM



Jika seorang ahli keluarga terdekat kepada pegawai meninggal dunia pada hari Sabtu jam 10.00 pagi, adakah Cuti Tanpa Rekod tersebut akan bermula pada hari yang sama atau pun pada hari berikutnya iaitu hari Ahad kerana hari Sabtu merupakan Cuti Hujung Minggu?

Bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat.

18. CTR PERAYAAN VAISAKHI

MyPPSM Ceraian SR.5.3.5

TUJUAN

Sebagai kemudahan kepada **pegawai penganut Sikh** untuk menunaikan tanggungjawab keagamaan.

KADAR

1 hari pada 14 April setiap tahun.

SYARAT

- Penganut Sikh sahaja



19. CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI

MyPPSM Ceraian SR.5.3.4

TERKINI

Berkuat kuasa **22 MEI 2023**

Surat Edaran JPA.(S).800-1/1/7 JLD. 3 (16)

TUJUAN

memberi ruang kepada **pegawai kelahiran Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia** untuk meraikan sambutan tersebut bersama-sama dengan keluarga khususnya dan warga Sabah dan Sarawak amnya.

SYARAT

i.pegawai **kelahiran Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan** yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia; atau

ii. Pegawai **berketurunan etnik yang menyambut Pesta Kaamatan** dan berkhidmat di Semenanjung Malaysia; atau

iii. pegawai **berketurunan etnik yang menyambut Pesta Kaamatan** dan berkhidmat di Sarawak.

i. pegawai **kelahiran Sarawak** yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia; atau

ii. pegawai **berketurunan etnik yang menyambut Hari Gawai** dan berkhidmat di Semenanjung Malaysia; atau

iii.pegawai **berketurunan etnik yang menyambut Hari Gawai** dan berkhidmat di Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan.

KADAR

1 hari CTR pada **30 Mei atau 31 Mei** (Pesta Kaamatan)

1 hari CTR pada **1 Jun atau 2 Jun** (Hari Gawai)

20. CTR SEMPENA PERAYAAN GOOD FRIDAY

MyPPSM Ceraian SR.5.3.7

TUJUAN

membolehkan pegawai yang **menganut agama Kristian** diberikan kemudahan Cuti Tanpa Rekod sempena perayaan Good Friday **kecuali** bagi pegawai perkhidmatan awam di negeri-negeri yang perayaan Good Friday adalah merupakan Hari Kelepasan Am.

SYARAT

Pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian sahaja yang **di negeri-negerinya perayaan Good Friday bukan merupakan Hari Kelepasan Am**

KADAR

1 hari

21. CTR SEMPENA TAHUN BARU SIAM (SONGKRAN)

MyPPSM Ceraian SR.5.3.8

TUJUAN

memberi ruang kepada pegawai perkhidmatan awam yang **berketurunan Siam** untuk menyambut perayaan tersebut bersama-sama dengan keluarga.

SYARAT

Pegawai perkhidmatan awam yang **berketurunan Siam**

KADAR

1 hari CTR pada 13 April setiap tahun

22. CTR UMRAH

MyPPSM Ceraian SR.5.3.2

TUJUAN

Bagi menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah

KADAR

Maksimum 7 hari*

***Tidak** termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am



Beragama Islam dan bertaraf tetap



Baki Cuti Umrah tidak boleh dibawa ke hadapan



Sekali sepanjang perkhidmatan (one-off)



Bermula dari tarikh sebenar menunaikan umrah di Mekah dan ziarah di Madinah.



23. CTR MUSABAQAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

MyPPSM Ceraian SR.5.5.5

KADAR

30 hari setahun

TUJUAN

Bagi menyertai Musabaqah al-Quran Peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai peserta atau pembimbing

SYARAT

- CTR diberikan untuk menyertai Musabaqah termasuk perjalanan pergi dan balik ke tempat penganjuran, sesi pendaftaran, taklimat, undian dan tahsin.
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

24. CTR SEMPENA PERAYAAN DEEPAVALI

MyPPSM Ceraian SR.5.3.6

TUJUAN

Diberikan sempena perayaan **Hari Deepavali** iaitu pada hari berikutnya sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali.

SYARAT

Pegawai beragama
Hindu sahaja.

KADAR

Satu (1) hari sahaja



25. CTR KEAGAMAAN

MyPPSM Ceraian SR.5.3.3

TUJUAN

Mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan mengikut agama dan kepercayaan masing-masing.

KADAR

Maksimum 7 hari*

***Tidak** termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am



Bukan Beragama Islam dan bertaraf tetap



Baki Cuti Keagamaan tidak boleh dibawa ke hadapan



Sekali sepanjang perkhidmatan (one-off)



Bermula dari tarikh penerbangan/perjalanan sebenar melaksanakan aktiviti keagamaan



26. CTR BAGI MELAKSANAKAN AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT

MyPPSM Ceraian SR.5.5.7

TERKINI

Berkuat kuasa **20 SEPT 2022**
Surat Edaran JPA.(S).800-1/1/7(26)

TUJUAN

Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara **tetap, sementara, kontrak (COS)** yang **melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat dalam negara dengan pertubuhan yang diluluskan.**

KADAR

Maksimum **5 hari** setahun **tidak termasuk** Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.

SYARAT

- Permohonan dikemukakan kepada KJ dengan mengemukakan **surat daripada pertubuhan** mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan;
- Tertakluk kepada **pertimbangan KJ atas kepentingan perkhidmatan**; dan
- Dilaksanakan **kurang daripada 4 jam**, perlu menggunakan **Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat** dalam waktu Bekerja di bawah P.A 5 Bab G dan Ceraian SR.4.2.2.



Encik Latvia merupakan seorang Pegawai Pertanian di Jabatan M dan beliau aktif dalam aktiviti khidmat masyarakat. Pada bulan November 2023, beliau telah melaksanakan **aktiviti sukarelawan secara persendirian untuk membantu mangsa banjir** di Kedah selama 3 hari iaitu pada 4 hingga 6 November 2023.

Adakah Encik L **layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat** bagi membantu mangsa banjir pada 4 hingga 6 November 2023?

- Encik L telah membantu mangsa banjir di Kedah **secara persendirian**, oleh itu beliau **tidak layak** menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat dengan pertubuhan yang diluluskan kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.
- Dalam hal ini, Encik L boleh menggunakan kemudahan **Cuti Rehat atau Cuti Tanpa Gaji** yang berkecualan untuk melaksanakan khidmat membantu mangsa banjir tersebut.

CUTI-CUTI LAIN

**Cuti Menjaga Anak
Yang Dikuarantin
Atau Memerlukan
Pengasingan**

Cuti Menjaga Anak

Cuti Haji

**Cuti Rehat Selepas
Berkursus Lebih
12 Bulan**

1. CUTI MENJAGA ANAK YANG DIKUARANTIN ATAU MEMERLUKAN PENGASINGAN

MyPPSM Ceraian 5.4.4

Pindaan
berkuat kuasa
4 Mac 2022

TUJUAN

Pegawai menjaga anaknya yang menghidap penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin

KADAR

Maksimum **lima (5) hari** bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai perubatan Kerajaan atau swasta mengikut mana yang lebih rendah, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan Dan Hari Kelepasan Am

SYARAT

- **Umur anak yang dikuarantin:**
 - <18 tahun; atau
 - <21 Tahun (jika masih belajar); atau
 - **Tiada had umur** (bagi yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri, dengan syarat adalah cacat otak atau **hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum 21 tahun**).

CUTI MENJAGA ANAK YANG DIKUARANTIN ATAU MEMERLUKAN PENGASINGAN

MyPPSM Ceraian 5.4.4

SYARAT

SENARAI PENYAKIT BERJANGKIT

1. Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut [Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD)]
2. Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah
3. Campak (Measles)
4. Chickenpox
5. Difteria
6. Malaria
7. **Lain-lain penyakit yang diperaku oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta**

Simulasi Penggunaan CMAKP Pada Bila-bila Masa Dalam Tempoh Perakuan Yang dikeluarkan


Tempoh Perakuan Kuarantin (10/3 – 19/3)

March, 2022						
S	M	T	W	T	F	S
27	28	1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31	1	2
3	4	5	6	7	8	9





Alternatif 1:
10-14/3 (Khamis-Isnin)

Alternatif 2:
14-18/3 (Isnin-Jumaat)





Alternatif 3:
13-17/3 (Ahad-Khamis)

Simulasi Tempoh Kuarantin Anak Bertindih Dengan Anak Yang Lain



Simulasi Anak Yang Sama Dijangkiti Penyakit Berjangkit Yang Berulang



CUTI MENJAGA ANAK (CMA)

MyPPSM Ceraian SR.5.2.2

TUJUAN

- Memberi peluang kepada ibu untuk menyusu dan menjaga bayinya.
- Mengimbangi kehidupan berkeluarga dan kerjaya.

JENIS CMA	CMA BERSAMBUNG DARIPADA CUTI BERSALIN	CMA TIDAK TERIKAT DENGAN CUTI BERSALIN
KADAR	1,825 hari (5 tahun) i. Bermula selepas tamat tempoh Cuti Bersalin – ada baki cuti bersalin; atau ii. Pada tarikh pegawai melahirkan anak – telah menggunakan sepenuhnya kelayakan cuti bersalin • Boleh diambil sekaligus atau sebahagian. • Pegawai yang telah menggunakan sebahagian kemudahan CMA daripada 5 tahun bagi 1 kelahiran boleh guna baki CMA bagi kelahiran anak seterusnya atau CMA yang tidak terikat.	365 hari atau sehingga anak mencapai umur 5 tahun, mengikut mana yang terdahulu • Boleh diambil secara sekaligus atau sebahagian • Pegawai yang telah menggunakan sebahagian kemudahan CMA yang daripada 1 tahun, baki CMA boleh digunakan


CUTI MENJAGA ANAK (CMA)

MyPPSM Ceraian SR.5.2.2

JENIS CMA	CMA BERSAMBUNG DARIPADA CUTI BERSALIN	CMA TIDAK TERIKAT DENGAN CUTI BERSALIN
SYARAT	Pegawai wanita yang bersalin (anak kandung)	Pegawai wanita yang mempunyai: (a) anak kandung; (b) anak tiri tanggungan; (c) anak angkat de facto; (d) anak angkat; dan (e) anak pelihara.
	• Tidak tertakluk kepada tempoh perkhidmatan yang melayakkan. • Tidak perlu habiskan semua Cuti Rehat. • Tidak menjejaskan kelayakan CTG di bawah Perintah Am 14. • Penggunaan CMA semasa pegawai berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun, PBT hendaklah diambil kira.	

PELAKSANAAN CMA BERSAMBUNG DARIPADA CUTI BERSALIN DAN CMA TIDAK TERIKAT

Contoh: Pelaksanaan CMA



CMA bersambung
daripada Cuti
bersalin (A)

CMA tidak terikat
dengan Cuti
bersalin (B)

Tempoh 365 hari (B) dikira
sebahagian daripada
tempoh 1852 hari
daripada keseluruhan
peruntukan CMA (A)+(B)

$$(A) + (B) = \leq 1852 \text{ hari}$$



Puan Monaco merupakan penjawat awam di Jabatan A dan telah berkhidmat selama 5 tahun. Puan M mempunyai seorang **anak perempuan yang berumur 4 tahun** dan anak beliau **tidak sihat** serta **memerlukan penjagaan yang rapi**. Puan M bercadang untuk mengambil cuti bagi menjaga anak beliau. **Apakah kemudahan cuti yang beliau boleh digunakan?**

Cuti Menjaga Anak

Memandangkan anak Puan Monaco berumur 4 tahun, beliau boleh menggunakan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin bagi menjaga anak beliau. Puan M boleh menggunakan cuti tersebut sebanyak 365 hari atau sehingga anak beliau mencapai umur 5 tahun, mengikut mana yang terdahulu.

Cuti Separuh Gaji

Puan M boleh dipertimbangkan kemudahan Cuti Separuh Gaji bagi menjaga anak beliau yang tidak sihat. Memandangkan Puan M telah berkhidmat selama 5 tahun, maka Puan M layak menggunakan Cuti Separuh Gaji dengan kadar 150 hari.

Cuti Tanpa Gaji

Kemudahan Cuti Tanpa Gaji boleh dipohon oleh Puan M atas sebab persendirian yang mustahak iaitu untuk menjaga anak beliau yang tidak sihat. Kadar kelayakan Cuti Tanpa Gaji yang boleh dipohon oleh Puan M adalah sebanyak 150 hari memandangkan beliau telah berkhidmat selama 5 tahun.

Cuti Rehat

Sekiranya Puan M mempunyai Cuti Rehat, beliau boleh menggunakan Cuti Rehat yang berkelebihan bagi menjaga anak beliau yang tidak sihat.

3. CUTI HAJI

MyPPSM Ceraian SR.5.3.1

TUJUAN

Membolehkan pegawai menunaikan fardu haji

KADAR

- 40 hari
- **sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan**
(termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am)

SYARAT

- Pegawai beragama Islam.
- Berjawatan **tetap dan telah disahkan dalam jawatan.**
- Dipanjangkan kepada pegawai berjawatan sementara yang telah berkhidmat tidak kurang 6 tahun secara berterusan.



Encik Lesotho memohon kelulusan Cuti Haji untuk tempoh 40 hari.

Maklumat perjalanan:

Menunaikan haji melalui agensi swasta dan tempoh visa yang diluluskan dari 05.07.2022 hingga 07.08.2022 (33 hari) sahaja.

Pegawai layak dipertimbangkan Cuti Haji maksimum termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am selama **40 hari tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.**

4. CUTI REHAT SELEPAS BERKURSUS LEBIH 12 BULAN

P.A 38 Bab C, MyPPSM Ceraian SR.5.1.7

TUJUAN

Membolehkan pegawai **berehat dan menguruskan perkara-perkara yang berkaitan** selepas berkursus

KADAR

Maksimum 7 hari tertakluk kepada **baki Cuti Rehat** yang berkecualan (Tidak termasuk Hari Rehat Mingguan/ Hari Kelepasan Mingguan/ Hari Kelepasan Am)

SYARAT

- Menamatkan kursus/ pengajian **melebihi 12 bulan**
- Mempunyai **baki Cuti Rehat** sebelum mula berkursus

TERIMA KASIH



**BAHAGIAN GAJI DAN ELAUN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

Perkara Berkaitan Pertukaran Pelantikan

Perkara		Faedah Persaraan	Baki Cuti Rehat	Gantian Cuti Rehat	Tarikh lantikan bagi penetapan Cuti Rehat
Tukar Tetap		Ya	Ya	Ya	Terdahulu
Tukar Lantik		Ya	Ya	Ya	Terdahulu
KPSL		Ya	Ya	Ya	Terdahulu
Lantikan ke jawatan baharu	PBM sama*	Ya	Ya	Ya	Terdahulu
	PBM beza**	Ya	Tidak	Tidak	Baru
Letak Jawatan		Tidak	Tidak	Tidak	Baru